



25 JUN, 2022

Lima tan Raja Buah menanti pengunjung di Negeri Sembilan

Kosmo, Malaysia

Page 1 of 2

Lima tan Raja Buah menanti pengunjung di Negeri Sembilan

SEREMBAN – Sebanyak lima tan durian menanti para penggemar Raja Buah itu dalam program 'Jom Makan Durian Kampung' selama dua hari anjuran Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) Negeri Sembilan yang bermula semalam.

Ketua Rakan Pemasar Kontrak Pemasaran (RPKP) FAMA Negeri Sembilan, Azhar Muhammad Buang berkata, program berkenaan yang berakhir esok diada-

kan di Hab Pengeedaran FAMA Negeri Sembilan, Jalan Labu di sini semalam.

"Kami menawarkan durian kampung untuk dinikmati dengan harga bufet RM25 bagi seorang dewasa, manakala RM10 bagi kanak-kanak di bawah umur 12 tahun.

"Selain itu, kami juga ada menjual durian jenis Musang King dan Udang Merah dengan harga yang berpatutan," katanya di sini

semalam.

Menurut Azhar, kebanyakan durian yang ditawarkan di dalam program tersebut dibawa dari Tangkak, Johor dan juga Pahang.

"Durian jenis Musang King kami dapatkan dari Raub, Pahang, manakala durian kampung dari beberapa kawasan di Rembau dan Tampin. Tahun ini pengeluaran durian di negeri ini juga tidak begitu menjadi berikutan faktor cuaca," katanya.



PEGAWAI FAMA Negeri Sembilan, Mohd. Afandi menunjukkan durian kampung yang turut dijual sempena program 'Jom Makan Durian Kampung' di Hab Pengeedaran FAMA di Jalan Labu, Seremban semalam.



25 JUN, 2022

Lima tan Raja Buah menanti pengunjung di Negeri Sembilan

Kosmo, Malaysia

Page 2 of 2

SUMMARIES

SEREMBAN - Sebanyak lima tan durian menanti para penggemar Raja Buah itu dalam program 'Jom Makan Durian Kampung' selama dua hari anjuran Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) Negeri Sembilan yang bermula semalam. Ketua Rakan Pemasar Kontrak Pemasaran (RPKP) FAMA Negeri Sembilan, Azhar Muhammad Buang berkata, program berkenaan yang berakhir esok diadakan

di Hab Pengedaran FAMA Negeri Sembilan, Jalan Labu di sini semalam.